

Rundingan kukuh hubungan

BH - 12/1/2006

Pertemuan Abdullah dan Susilo turut bincang isu agama, keganasan, sempadan



RUNDINGAN tahunan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhono di Bukit Tinggi di sini, hari ini, akan mengukuhkan kembali hubungan kedua-dua negara yang sedikit terjejas berikutan isu tuntutan bertindih Ambalat dan cadangan Malaysia mengambil tindakan tegas terhadap pendatang tanpa izin.

Ia adalah rundingan sesi pertama untuk kedua-dua pemimpin itu selepas mengambil alih pucuk kepimpinan negara masing-masing.

Duta Besar Malaysia di Indonesia, Datuk Zainal Abidin Mat Zain, berkata walaupun kedua-dua pemimpin pernah mengadakan pertemuan dan mesyuarat ketika menghadiri pelbagai persidangan antarabangsa termasuk Sidang Kemuncak Asean dan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), ini pertemuan empat mata pertama membabitkan mereka.

“Rundingan kali ini agak simbolik untuk Perdana Menteri dan Presiden

Indonesia kerana ia adalah sesi pertama mereka. Rundingan terakhir pemimpin kedua-dua negara diadakan tiga tahun lalu, di Kuching, Sarawak.

“Lebih menarik, rundingan kali ini turut disertai Menteri Besar dan Ketua Menteri dari Selangor, Perak, Kedah dan Melaka yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan Segitiga Pertumbuhan _ Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT),” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Beliau berkata, ketika krisis ekonomi pada 1997, kedua-dua negara

sentiasa menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk perubahan, pelancongan, perdagangan dan pertukaran barang.

“Kerjasama itu kini semakin kukuh kerana di samping kita aktif melabur dalam sektor perladangan kelapa sawit, telekomunikasi dan industri perbankan di Indonesia, kita juga harus melihat peluang pelaburan dalam sektor infrastruktur dan bekalan elektrik,” katanya.

Beliau berkata, selain hubungan dua hala, pemimpin kedua-dua negara juga dijangka membincangkan isu agama, kerjasama membanteras keganasan, masalah pekerja Indone-

sia, pendatang tanpa izin dan isu sempadan.

Turut disentuh sektor pelancongan kerana sepanjang tahun lalu, dianggarkan satu juta rakyat Indonesia melancong ke Malaysia.

“Mereka adalah kumpulan ketiga terbesar melancong ke Malaysia selepas Thailand dan Singapura,” katanya.

Perdana Menteri juga dijadualkan bertemu 143 pelajar Malaysia yang kini menuntut di sini. Mereka adalah sebahagian daripada 2,545 pelajar Malaysia yang menuntut di Indonesia, kebanyakannya dalam jurusan perubatan dan agama.